

16/07/2001

Kementerian siasatedaran bahan lucah

Azmi Abdul Malek

IPOH, Ahad - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan menjalankan siasatan bagaimana pengedaran bahan lucah begitu berleluasa hingga boleh sampai kepada murid tadika.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata kementeriannya akan meneliti sumber pembekal bahan berkenaan dan sambil itu berharap guru tadika mengawasi gejala berkenaan.

"Perkara ini tidak boleh dipandang ringan dan semua pihak perlu membuat penelitian wajar," katanya selepas majlis penutup Karnival Jiran Bahagia di Taman Meru 2B, dekat sini, hari ini.

Turut hadir Ahli Parlimen Tambun, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Manjoi, Nadzri Ismail.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan pengedaran bahan lucah berleluasa sekarang ini termasuk di kalangan murid tadika.

Semalam, Dr Mahathir melahirkan rasa terkejutnya bagaimana murid tadika boleh mendapatkan bekalan bahan lucah berkenaan.

Dr Siti Zaharah berkata, semua pihak mesti bertanggungjawab menyelesaikan masalah sosial yang sedang melanda golongan remaja di negara ini.

Beliau juga berkata, kementeriannya sentiasa memantau tadika yang menjalankan kelasnya tanpa mendaftarkannya dengan pihak berkuasa.

Sementara itu, Dr Siti Zaharah meminta rakyat pelbagai kaum untuk terus memelihara keamanan supaya boleh hidup selesa dan selamat.

Katanya, setiap rakyat mesti menghargai keamanan sedia ada untuk menentukan generasi akan datang dapat meneruskan kehidupan seperti sekarang.

Beliau berkata, Rukun Tetangga mempunyai tugas yang berat untuk mengajak penduduk setempat memelihara perpaduan kaum.

"Mereka juga mesti berusaha menangkis tindakan sesetengah pihak yang sengaja mahu memecahkan perpaduan kaum di negara ini.

"Kita tidak boleh bergantung kepada usaha kerajaan semata-mata sekiranya mahu hidup dalam keadaan aman dan damai," katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, sungguhpun rakyat sentiasa menikmati keamanan dan keselesaan hidup, mereka tidak harus leka dengan anasir luar yang sentiasa cemburu dengan perpaduan yang wujud di negara ini.

Katanya, pemimpin setempat perlu menjadi penggerak kepada kegiatan masyarakat yang boleh mengeratkan hubungan melalui pergaulan sihat.

Selain itu, beliau berkata, pemimpin terbabit juga harus mengesan masalah yang dihadapi di kawasannya supaya ia dapat diatasi segera.

Beliau berkata, sejarah pahit masa lalu mengajar rakyat untuk berfikir lebih matang betapa pentingnya menilai sumbangan kerajaan terhadap gerakan menyatupadukan rakyat.

(END)